

PM arah kempen TMM2026 tak pinggir mana-mana negeri

Kementerian perlu fokus tingkat keupayaan pelancongan, pelaburan

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Selangor: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan semua kementerian memberi tumpuan meningkatkan keupayaan Malaysia dalam bidang pelancongan, pelaburan dan ekonomi tanpa meminggirkan mana-mana negeri menerusi Kempen Tahun Melawat Malaysia 2026 (TMM2026).

Perdana Menteri berkata, unjuran pendapatan sebanyak RM147.1 bilion yang bakal dijana termasuk sasaran kehadiran 35.6 juta pelancong menerusi TMM2026 mampu dicapai dengan pembabitan semua pihak.

“TMM2026 adalah satu pendekatan baharu dalam menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan yang utama dan ini bermulanya satu inisiatif, ikhtiar supaya betul-betul mencatat pertumbuhan pelancongan ke seluruh negara.

“Saya minta semua kementerian memberikan tumpuan supaya Malaysia dapat meningkatkan keupayaan bidang pelancongan dan tentunya pelaburan serta ekonomi supaya tidak ada kawasan atau negeri yang tersisih dan tertinggal,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika



Anwar bersama Ahmad Zahid, Fadillah, King Sing dan Fahmi serta rakan strategik penerbangan pada pelancaran Tahun Melawat Malaysia 2026 di Sepang, semalam.

(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

berucap pada Majlis Peluncuran Kempen TMM2026, di sini semalam.

Yang turut hadir, kedua-dua Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Datuk Seri Fadillah Yusof serta Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Seri Tiong King Sing; Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil; Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar

Sasaran realistik

Anwar berkata, sasaran kehadiran 35.6 juta pelancongan yang bakal menjana pendapatan RM147.1 bilion itu disifatkan sebagai pragmatik dan realistik.

Katanya, jika unjuran itu dicapai, ia secara tidak langsung memberi manfaat besar kepada pelbagai sektor di negara ini seperti pelancongan, makanan dan minuman serta industri berkaitan.

“Namun, di sebalik angka utama ini, matlamat kita jelas iaitu mempromosikan pelancongan yang lestari kepada alam sekitar dan komuniti. Pelancongan ini bertindak sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi sambil menyediakan pengalaman yang bermakna dan tidak dapat dilupakan kepada pelawat.

“Malaysia bukan sekadar destinasi biasa, tetapi destinasi yang unik, mesra alam dan diperkaya dengan keunikan rakyatnya yang berbilang budaya

dan bangsa,” katanya.

Perdana Menteri berkata, matlamat itu juga selaras dengan kerangka MADANI, iaitu nilai teras pembangunan negara dengan mengutamakan kelestarian seiring pencapaian tahap yang lebih tinggi.

“Ini diakui sebagai sesuatu yang sering diabaikan dalam keghairahan mengejar kejayaan dan pembangunan yang banyak mengabaikan aspek alam sekitar.

“Oleh itu, dalam usaha kita mempromosikan Malaysia, kita ingin mempromosikan Malaysia sebagai sebuah destinasi yang lestari dan harmoni, dengan warisan budaya yang pelbagai, berasaskan asas budaya yang kukuh dan inklusif dalam pendekatan-

nya,” katanya.

Beliau berkata, kempen TMM2026 juga selari dengan usaha kerajaan untuk mempersiapkan semua negeri sebagai destinasi pelancongan sempena Keperngusian ASEAN-Malaysia 2025 tahun ini.

“Jadi, impak TMM2026, seperti yang saya nyatakan, akan melangkau industri pelancongan, merangkumi sektor hospitaliti, pengangkutan, peruncitan, industri makanan dan manfaat ekonomi akan dinikmati oleh komuniti bandar, luar bandar, dan kawasan pedalaman.

“Penekanan diberikan untuk memastikan setiap negeri dan setiap komuniti turut terbabit dalam usaha ini,” katanya.